

Bil	Perkara	PETUNJUK			
		<i>Semakan perunding</i>	<i>Semakan Jabatan</i>	<i>Semakan perunding</i>	<i>Semakan Jabatan</i>
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
C.	SYARAT-SYARAT KHUSUS				
1	Pihak Perunding hendaklah menunjukkan di atas pelan semua kedudukan tiang-tiang lampu jalan yang sedia ada di jalan utama di sepanjang hadapan lot tanah pembangunan yang dicadangkan.				
2	Semua kedudukan tiang-tiang lampu yang sedia ada di rancangan perumahan bersebelahan hendaklah ditunjukkan di atas pelan yang dikemukakan lengkap dengan tinggi, panjang arm dan watt lampu.				
3	Tunjukkan dengan jelas jalan masuk daripada jalan utama sehingga ke rancangan pembangunan yang dicadangkan serta lampu jalan sedia ada.				
4	Cadangan kedudukan tiang-tiang lampu jalan yang dicadangkan/disyorkan untuk dibuat pindaan hendaklah ditunjukkan pada pelan yang dikemukakan semula.				
5	Cadangan pemasangan lampu jalan mestilah mematuhi Garis Panduan Pemasangan Lampu MBSP. Tiang-tiang lampu yang dicadangkan adalah jenis konkrit atau jenis besi bergalvani. Rekabentuk tiang-tiang lampu tersebut mestilah mengikut rekabentuk yang diluluskan/ diterima oleh pihak TNB atau MBSP. Butir-butir rekabentuk mestilah ditunjukkan di atas pelan.				
6	Lampu jalan perlu bagi tempat-tempat merbahaya dari segi lalulintas seperti di : i) Persimpangan jalan & selekoh jalan ii) Masjid & surau iii) Dewan orang ramai iv) Pondok bas v) Bonggol vi) Tapak Gerai & Penjaja				
7	Kedudukan Feeder Pillar dan tiang lampu yang dicadangkan adalah 2 kaki daripada bahu jalan dan tidak dibenarkan diletakkan di laluan Universal Design (UD).				
8	Pihak Perunding perlu mengemukakan cadangan lengkap dari segi corak pembiasan cahaya (photometric) secara "softcopy dan harcopy" bagi pemasangan lampu jalan yang akan dipasang di tapak supaya ianya memenuhi spesifikasi yang ditetapkan mengikut jenis kegunaan dan saiz jalanraya. Cadangan ini perlulah termasuk tinggi tiang dan saiz arm yang akan digunakan, jarak antara tiang lampu dan watt lampu.				

Bil.	Perkara	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan perunding	Semakan Jabatan
D.	PERINCIAN DI ATAS PELAN				
	(i) TIANG KONKRIT (TNB)				
1.	Tidak dibenarkan memasang lampu pada dinding (wall mounted).				
2.	Pemohon dikehendaki selaraskan kedudukan tiang lampu dengan tiang bekalan elektrik ke rumah dan perlu tunjukkan dalam pelan yang dikemukakan.				
3.	Pihak perunding perlu mengemukakan saiz/jenis jalan, jarak di antara tiang, tinggi tiang, panjang arm, kuasa lampu dan lain-lain keperluan mengikut corak fotometric yang dikemukakan.				
	LAIN-LAIN PERKARA:				

Bil.	Perkara	PETUNJUK			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan perunding	Semakan Jabatan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
	(ii) TIANG BESI BERGALVANI				
	A. Bahagian Feeder Pillar				
1.	Lokasi feeder pillar hendaklah ditunjukkan dalam pelan. Feeder pillar yang bersebelahan dengan tapak Pencawang Elektrik TNB hendaklah dibina di luar pagar Tapak Pencawang Elektrik tersebut serta menghadap ke jalan.				
2.	'Plinh' tapak kotak (feeder) tidak kurang daripada 600mm dari permukaan jalan dan mempunyai ruang bahagian tepi untuk meletakkan 'toolbox' dan dilengkapi dengan 'basic tools' semasa kerja senggaraan dilakukan.				
3.	Kerangka, tapak, pintu dalam dan pintu feeder pillar (depan&belakang) mestilah diperbuat daripada 'stainless steel' beserta 6 kotak kunci keselamatan, pad lock tambahan dibahagian tengah kotak kunci keselamatan dan dilengkapi penyendal pintu.				
4.	Jurutera Perunding dikehendaki mengemukakan lukisan elektrikil kotak kawalan (Feeder Pillar) dan lukisan litar kawalan skematik sebelum cadangan disyorkan untuk kelulusan.				
5.	Sila tandakan di atas pelan kawalan fotocell atau timer di setiap tiang jika berkaitan.				
6.	Setiap Feeder Pillar lampu jalan mesti mempunyai Motorised RCCB/60A/0.1A (Type S) atau RCCB/100A/0.1 (Type S) beserta 'Digital Counter' dan 'Reset Button'. Manakala RCCB/60A/0.1A atau RCCB/100A/0.1A (Type AC/G untuk setiap 'outgoing' kabel lampu jalan.				
7.	Earthing Electrode hendaklah bersesuaian dan disambung kepada pengalir tembaga secara pateri/solder (cadwell) dan bukan secara diikat dengan screw atau lain-lain cara yang boleh terbuka atau menyebabkan pengairan arus akan terhalang. Bacaan bagi ujian rintangan elektrod bumi hendaklah kurang daripada 5 ohm.				
8.	Lapisan permukaan cat Fedder Pillar mestilah disaluti cat anti sticker jenis permukaan kasar dan lulus uji cuba semasa pemeriksaan di tapak.				
9.	Cover meter TNB mestilah mengikut spesifikasi MBSP.				
10.	Mcb 'outgoing' kabel mestilah berkadar 32A jenis 'single pole'.				
11.	Setiap feeder pillar lampu jalan mestilah dilengkapi dengan pemegang payung yang diperbuat daripada stainless steel termasuk kunci pemegang payung.				

Bil.	Perkara	PETUNJUK			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan perunding	Semakan Jabatan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
12.	Pendawaian kabel alat-alat kawalan didalam Feeder Pillar sekurang-kurang kabel bersaiz 16mm ² .				
	B. Bahagian Kabel Lampu Jalan				
1.	Pelan butir-butir laluan kabel perlulah dikemukakan dan ditunjukkan di atas pelan.				
2.	Laluan kabel melintasi jalan,parit dan berada di atas jalan hendaklah dimasukkan didalam paip G.I. kelas 'C' diameter 150mm.				
3.	Cable pit mengikut spesifikasi MBSP (2x2x3) kaki ukuran dalaman dan berbingkai besi di setiap tiang, crossing jalan dan di selekoh laluan kabel. Jika cable pit yang berada di atas jalan perlulah dipasang jenis "Heavy Duty" yang diluluskan MBSP.				
4.	Semua pendawaian selepas feeder pillar mesti menggunakan kabel 4 core 25mm ² PVC/SWA/PVC (Aluminium) di dalam corrugated pipe bersaiz 6 inci dan G.I pipe bersaiz 6 Inchi di setiap crossing jalan atau di atas jalan dan berselang-selang fasa antara satu sama lain di setiap tiang dan lampu.				
5.	Penanda keluar masuk kabel di dalam tiang mengikut spesifikasi MBSP.				
	C. Bahagian Tiang Lampu Jalan				
1.	Sila tunjukkan butir-butir tiang besi bergalvani yang dicadangkan merangkumi ketinggian, jarak antara tiang, arm lampu dan kedudukan tiang.				
2.	Tiang lampu yang dicadangkan hendaklah dari jenis 'Flange mounted type' jenis gusset dan penutup pintu tiang jenis besi (anti vandalisma).				
3.	Setiap tiang mestilah mempunyai MCB 20A untuk setiap fasa (R,Y,B), RCCB 40/0.1A dan Surge Protective Device (SPD) berkapasiti tidak kurang dari 20kA mengikut bilangan lampu yang dipasang dan sistem pembumian individu (Bacaan dibawah 5 Ohm)				
4.	Jalur & Sticker (Reflector bahaya 415V) pada tiang lampu jalan mengikut spesifikasi MBSP (jenis penggunaan luar (outdoor standart)).				
5.	Setiap tiang mestilah disaluti dengan cat anti stiker (2 meter dari paras tanah).				

Bil.	Perkara	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan			
		Semakan Perunding	Semakan Jabatan	Semakan perunding	Semakan Jabatan
6.	Pihak Perunding perlu mengemukakan keterangan dan lukisan tapak tiang (footing) di atas pelan semasa kelulusan dipohon. Pengesahan mengenai perkara ini perlu dibuat oleh syarikat pengeluar tiang yang akan digunakan berserta pengesahan oleh Jurutera Bertauliah (Mekanikal dan Elektrikal) atau yang setaraf.				
	D. Bahagian Lantern Lampu Jalan				
1.	Jenis lantern dan watt lampu jenis LED yang diluluskan oleh JKR (EMAL/JMAL) dan MBSP (High spec & Nema Socket-Ready For SMART- 7 Pin), IP 66 atau ke atas dan perlu dilengkapi dengan Surge Protective Device (SPD) berkapasiti tidak kurang dari 20kA.				
	E. Lain-Lain Perkara				
1.	Pihak perunding perlu mengemukakan saiz/jenis jalan, jarak di antara tiang, tinggi tiang, panjang arm, kuasa lampu dan lain-lain keperluan mengikut corak fotometric yang dikemukakan.				
2.	Pemohon dikehendaki mengemukakan cadangan lengkap sistem pemantau dan kawalan jarak jauh (SCADA SYSTEM) yang perlu dipasang. Pemohon juga perlu memastikan sistem yang dipasang mestilah boleh diintegrasikan/berintraksi dengan sistem sedia ada.				
3.	Pemasangan pagar keselamatan bagi kawasan yang berisiko berlaku kecurian dan vandalism mengikut spesifikasi MBSP iaitu jenis 'expanded metal' tahan karat.				
	LAIN-LAIN PERKARA :				

SEMAKAN PERTAMA :

SEMAKAN KEDUA :

.....

.....